Title	Tradisi pendidikan Islam dalam Nilai
Author	Sa'eda Buang
Source	Hadijah Rahmat, Mana Sikana & Kartini Anwar (Eds.), *Citra murni insan dalam dunia pendidikan: Sebuah feskrip untuk Abbas Mohammad Shariff* (pp. 104-108)
Published by	Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia (ALC), Institut Pendidikan Nasional Singapura, Universiti Teknologi Nanyang

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Tradisi pendidikan Islam dalam *Nilai*

Sa'eda Buang

Pengenalan

Keperihatinan Dr. Haji Abbas Mohd Shariff terhadap aspek pendidikan 'nilai' dan kaitannya dengan tradisi pendidikan Islam menjadi teras perbincangan kertas ini. Dalam bukunya bertajuk 'Budaya dan Falsafah Orang Melayu' (2002: 147), Abbas menjuruskan pengertian 'nilai' kepada 'budi'yang ditakrifkan sebagai akal, kebijaksanaan. Menurutnya, dalam konsep budi terkandung persoalan akal dan rasa yang merupakan struktur dalaman atau struktur batiniah yang menggerakkan perlakuan fizikal. Budi, yang menjadi nilai yang amat tinggi dalam masyarakat Melayu boleh dimenifestasikan dalam satu gugusan hubungan sosio-budaya dan kerohanian yang meliputi berbudi kepada Tuhan, berbudi kepada bangsa dan tanah air; berbudi kepada alam; berbudi kepada masyarakat dan budaya; berbudi kepada keluarga dan berbudi kepada diri sendiri (2002: 148).

Penerbitan buku bertajuk 'Nilai' tulisan Abbas (2009) merupakan mercu tanda yang membuktikan betapa pengajaran dan pembelajaran 'nilai' dalam pendidikan mendapat perhatian yang istimewa dari penulis buku tersebut. Aspek ini berterusan menjadi tema utama dalam kebanyakan penulisan (2002, 2004, 2009) dan perbicaraannya. Maka tidak hairanlah dalam kata pengantar buku 'Nilai' Abbas berpandangan bahawa *"matlamat pendidikan adalah untuk membentuk kanak-kanak menjadi individu yang syumul dan seimbang yang berpegang teguh pada nilai-nilai moral dan baik hubungannya dengan orang lain"* (2009: v). Pandangan ini menegaskan bahawa pendidikan nilai merupakan dasar terbinanya insan yang sempurna dan seimbang, dan ini membawa kita kepada konsep pendidikan Islam berteraskan 'nilai' yang pernah dipelopori dan diperjuangkan oleh sarjana Islam awal seperti Al-Ghazali (1058–1111M), Ibn Khaldun (1332- 1406M), Ibn Sina (980 – 1037M) dan Ibn Miskawayh (936-1030M). Berikut merupakan ringkasan konsep pendidikan berteraskan nilai yang dipegang oleh para sarjana yang disebutkan.

Sepanjang perbincangan kertas ini, istilah pendidikan nilai digunakan silih berganti dengan 'pendidikan moral/etika/adab' dan/atau 'pendidikan akhlak'. Walaupun pendidikan nilai boleh dan harus disisipkan secara tidak langsung dalam semua mata pelajaran atau kegiatan murid, biasanya struktur pengajaran dan sukatan pelajaran moral merangkul tanggungjawab sepenuhnya pengajaran dan pembelajaran nilai secara formal, langsung, meluas dan mendalam.

(Dari kiri) Prof Hadijah, Dr Abbas dan Dr Sa'eda di Majlis Anugerah Persuratan 2005 anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura, 31 Ogos 2005, Taman Warisan Melayu.

Pendidikan nilai dan akhlak menurut sarjana Islam awal

Sebagaimana para sarjana Islam yang lain, Ibn Miskawayh, yang digelar sebagai 'bapa etika Muslim' amat menekankan aspek moral atau etika dalam pendidikan. Beliau percaya bahawa inti kebijaksanaan tersimpul dalam nilai dan budi yang terpuji (M. Abdul Haq Ansari, 1964: 61-66) dan inilah yang ingin disampaikan melalui pendidikan. Menurutnya, pendidikan bertujuan memperkasa insan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membawa kepada kesejahteraan di dunia dan demi mencapai *sa'adah* atau kebahagiaan yang abadi. Insan akan mencapai tahap ini apabila inteleknya berkembang dengan sempurna dan ia dapat menyempurnakan peranannya sebagai khalifah Tuhan, yakni menyerahkan dirinya kepada Tuhan, serta melaksanakan tanggungjawab individu dan sosialnya demi maslahat sendiri dan kemanusiaan. Untuk mencapai semua matlamat ini, pendidikan haruslah bermula dengan penyemaian pemikiran dan tingkah-laku yang bermoral. Inilah yang

dianggap oleh Ibn Miskawayh sebagai peranan utama dan pertama pendidikan. Pembinaan akhlak berdasarkan nilai-nilai yang murni dan penyucian hati dari segala bentuk keburukan harus bermula seawal mungkin dalam pendidikan. Menurut Ibn Miskawayh, ini perlu dilakukan sebagaimana 'seorang peladang membersihkan tanahnya dengan mencabut semua tanaman perosak dan liar sebelum si peladang menanam benih tanaman'. Ini bermakna apabila nilai-nilai yang murni sudah tersemai dalam diri seseorang itu, pemahamannya terhadap ilmu pengetahuan yang diperolehinya dan penggunaan ilmu pengetahuan tadi akan dilihat dari sudut yang positif dan yang memberi manfaat bersama kepada semua insan. Proses pendidikan sedemikian tergambar dalam Rajah 1 yang berikut.

Rajah 1: Skema latihan Ibn Miskawayh

Sumber: Diadaptasi daripada M. Abdul Haq Ansari, 1964.

Pandangan yang sama dipegang oleh Ibn Sina. Pada dasarnya, Ibn Sina mengutarakan empat objektif pendidikan, yakni a) menyemai dan membina akhlak, b) membolehkan insan menjadi penyumbang ekonomi yang aktif, c) melahirkan masyarakat yang adil, dan d) mencapai keselamatan yang abadi di akhirat. Berdasarkan objektif-objektif tersebut, Ibn Sina menggesa agar setiap anak didedahkan kepada nilai-nilai murni dan amalan yang baik seawal lagi, sejak sianak dilahirkan. Sekiranya ini berlaku, maka pencapaian objektif-objektif pendidikan yang seterusnya menjadi satu proses yang lebih mudah dilaksanakan kerana si anak sudah terpahat dengan nilai-nilai yang membuatnya sedar akan peranannya sebagai individu dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab (Mohamed El-Mokhtar Ould Bah, 1998: 26). Rajah rangka pendidikan Ibn Sina yang berikut (Rajah 2) meletakkan usaha penanaman nilai moral dimulakan seawal mungkin dalam proses pendidikan.

Rajah 2: Rangka pendidikan Ibn Sina



Sumber: Adaptasi daripada Idris Zakaria, 2002;
Mohamed El-Mokhtar Ould Bah, 1998; Winter, 1952.

Untuk memastikan pendidikan akhlak dan moral benar-benar dapat disampaikan dengan jayanya kepada murid, peranan guru amatlah penting. Menurut Ibn Sina, faktor gurulah yang dapat membezakan mutu pendidikan bagi si anak dalam rangka pendidikannya. Oleh itu guru haruslah memiliki ciri-ciri yang cemerlang kerana guru bertanggungjawab mencorakkan kejayaan si anak dan sistem pendidikan secara menyeluruh. Untuk menyemai nilai-nilai yang murni kepada anak didiknya, seseorang guru itu haruslah bijaksana dan taat menjalankan perintah Tuhan, mengamalkan nilai moral yang tinggi, mahir dalam pedagogi pengajaran dan mempunyai kebolehan-kebolehan lain seperti kebolehan mengenal pasti bakat anak didiknya dan merangsang mereka seterusnya untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang-bidang kemahiran yang mereka pilih.

Namun demikian, pengajaran etika dan moral tidak seharusnya berlaku tanpa pemahaman intelek. Para sarjana beranggapan bahawa anak-anak harus dipastikan dapat memahami rasional setiap tingkah-laku moral dengan jitu, bersesuaian dengan tahap pemahaman kognitifnya. Oleh

yang demikian, kajian juga digalakkan. Walaupun demikian, sarjana-sarjana yang disebutkan menegaskan bahawa hanya apabila insan mempunyai moral yang tinggi, intelek dapat menjalankan fungsinya memahami, mendalami, menghuraikan permasalahan dan menjana idea baharu dengan sepenuhnya. Bermakna, intelek berfungsi dalam lingkungan pemikiran yang beradab namun berpandangan jauh demi maslahat diri, masyarakat dan semua insan. Inilah kitaran proses pendidikan berteraskan nilai. Ringkasnya, kedudukan pendidikan etika dan moral dalam pendidikan amatlah tinggi kerana ia merupakan satu landasan bagi memajukan penggunaan intelek secara bermoral bagi melahirkan dan mengekalkan bentuk masyarakat yang adil dan punya kesedaran sivik yang mendalam. Proses pendidikan yang sedemikian boleh digambarkan dalam Rajah 3 yang berikut.

Rajah 3: Kedudukan etika/nilai dalam pendidikan



Sumber: Diadaptasi daripada perbincangan mengenai etika/adab oleh Ibn Miskawayh, Ibn Sina, Al-Ghazali dan Ibn Khaldun.

Guru dan kaedah pengajaran yang cemerlang amat ditekankan oleh para sarjana yang kita perkatakan. Dua faktor ini menjadi penentu kejayaan pendidikan. Terutama di peringkat pendidikan awal atau persekolahan, faktor persekitaran sosial dan fizikal yang positif amat ditekankan. Persekitaran sedemikian amat penting untuk menggalakkan anak didik 'meniru' tingkah-laku yang terpuji dan seterusnya mempunyai keyakinan diri dari segi psikologi dan kebahasaan untuk terlibat sama dalam perbincangan sama ada dengan rakan-rakan atau dengan guru. Yang penting, persekitaran sosial dan fizikal yang dicipta oleh guru melalui pedagogi atau perwatakannya haruslah yang tidak menekan jiwa anak didik. Sebaliknya, persekitaran pembelajaran yang positif haruslah menghidupkan semangat mereka untuk cintakan ilmu dan menuntut ilmu. Guru adalah model contoh yang seharusnya mementingkan perkembangan keyakinan diri murid (Ibn Khaldun, 1989: 425-426). Guru yang cemerlang haruslah sentiasa fokus pada perkembangan kognitif, etika/moral, psikologi dan psikomotor anak didiknya. Pendekatan dan panduan-panduan berguna dari sarjana-sarjana Islam ini sebenarnya tidak jauh daripada apa yang kita panggil hari ini sebagai pendekatan berpusat pada pelajar (student-focused perspective) yang ditaja dan dipopularkan oleh Piaget and Vygotsky dalam teori Constructivism (Smith, L., 1997).

Malahan, dalam bukunya *Al-Muqaddimah* Ibn Khaldun (1989) menyarankan agar guru tidak terhad kepada penggunaan satu cara pengajaran sahaja. Oleh kerana kepelbagaian bakat dan kebolehan murid-murid yang rencam, seseorang guru itu haruslah kreatif dan bersedia mengubah cara pengajarannya agar bersesuaian dengan keperluan anak didiknya (Ibn Khaldun, 1989: 417). Yang menariknya, seawal kurun ke 10M, isu-isu tentang pedagogi dan kreativiti dalam pengajaran guru-guru demi menanam nilai-nilai yang murni telah pun dibincangkan dengan begitu mendalam oleh para sarjana Islam.

Jelaslah, implikasi kepentingan melahirkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang positif, sama ada dari sudut sosial dan fizikal, terhadap pembelajaran etika/moral tidak dapat dinafikan. Para sarjana Islam awal telah menganjurkan bahawa suasana sosial yang positif tidak hanya tertakluk pada tingkah-laku baik guru dan ibu bapa. Suasana sosial yang positif juga melibatkan cara guru berinteraksi dengan muridnya di dalam dan luar kelas; interaksi antara murid-murid; cara bagaimana disiplin dilaksanakan; dan bagaimana nilai disisipkan dalam setiap pelajaran secara tuntas atau melalui kurikulum tersembunyi. Persekitaran fizikal yang positif pula ada kaitannya dengan ruang fizikal seperti susunan tempat duduk murid yang membolehkan interaksi antara guru dan murid, dan antara murid-murid berlaku; juga melalui penggunaan bahan bacaan, tulisan yang menggalakkan perkembangan kognitif dan psikomotor murid-murid.

Selain guru, peranan ibu bapa sebagai model ikutan dalam pendidikan nilai merupakan satu lagi faktor penentu kejayaan seseorang murid. Para sarjana tidak mengkhususkan pengajaran nilai dalam persekitaran di

sekolah sahaja. Malahan peranan ibu bapa dalam pengajaran nilai harus bermula sebelum si anak dilahirkan. Nilai-nilai etika harus bermula di rumah dan seterusnya dipraktikkan di sekolah. Tanggungjawab melahirkan persekitaran sosial dan fizikal yang positif dalam pendidikan terletak di bahu ibu bapa juga. Di sini, pendidikan dilihat dari sudut yang menyeluruh dan lengkap, di mana ia sebagai satu proses yang berterusan dari rumah ke sekolah, lalu ke seluruh masyarakat dan ke rumah semula, dan seterusnya.

Pada dasarnya, para sarjana yang dibincangkan di sini mendokong pandangan bahawa objektif pendidikan ialah melahirkan insan yang baik dan cemerlang untuk melahirkan masyarakat yang baik dan adil demi mencapai *sa'adah*. Oleh yang demikian, pendidikan seharusnya melahirkan murid yang beretika, menyedari tanggungjawabnya terhadap diri dan masyarakatnya. Ringkasnya, oleh kerana seseorang itu insan yang baik maka dia akan menjadi anggota masyarakat dan rakyat yang baik. Seperti yang diutarakan oleh Al-Ghazali bahawa kecemerlangan seseorang itu hanya terbukti apabila ia memenifestasikan ilmu pengetahuannya dalam bentuk amalan dan memberi sumbangan kepada masyarakat. Pandangan ini bertepatan dengan tesis Ibn Khaldun bahawa kecerdasan dan tingkah-laku moral individu membayangkan corak kecerdasan dan tingkah-laku moral masyarakatnya. Ini meletakkan individu sebagai pelajar dan guru sekali gus. Ringkasnya, individu yang baik akan membina dan meneruskan masyarakat yang baik melalui pendidikan yang bertunjangkan pendidikan nilai.

Pendidikan nilai dan gejala masalah sosial

Kepentingan pengajaran dan pembelajaran 'nilai' sudah sewajarnya diberikan perhatian utama memandangkan gejala-gejala yang membawa kepada masalah disiplin semakin memuncak di kalangan para pelajar kita. Sebagai contoh, kajian Low Guat Tin dan rakan-rakan (1999: 193) menunjukkan bahawa gejala 'kesunyian' melebar luas di kalangan 75 peratus sehingga kesemua 509 remaja yang masih bersekolah yang ditemuduga. Mereka mengaku berada dalam keadaan sedemikian terutama apabila keseorangan di rumah akibat ibu bapa keluar bekerja dan tidak tahu bagaimana hendak memanfaatkan waktu dengan sebaik-baiknya. Dalam kajian yang sama, didapati bahawa para pelajar di peringkat maktab rendah dan pra-universiti beranggapan bahawa hujung minggu merupakan waktu yang paling 'sunyi' bagi mereka. Ini menunjukkan bahawa para pelajar dan remaja amat bergantung pada kehadiran teman-teman sekolah untuk menjadikan waktu mereka bermakna (1999: 194). Remaja yang sunyi ini pula mempunyai konsep diri atau keyakinan diri yang rendah dan amat terarah kepada keinginan untuk diterima dalam kelompoknya lalu sanggup melakukan apa sahaja untuk diterima dalam kelompoknya.

Dalam satu lagi kajian terhadap masalah kenakalan remaja yang dilakukan oleh Esther Tan (1999: 203 - 214) di Singapura, menunjukkan bahawa remaja hari ini berhadapan dengan masalah kehidupan yang begitu kompleks yang datangnya dari pelbagai jurusan - keluarga, sekolah, psikologi dan sosial. Selain ibu bapa, sekolah dianggap sebagai benteng pertama membantu remaja yang bermasalah ini. Yang membimbangkan, saban tahun, yang terlibat dalam masalah kenakalan adalah remaja yang berumur lebih muda daripada golongan yang terjebak dalam kancah ini pada tahun-tahun sebelumnya. Sekiranya kajian Esther dapat dipertahankan hingga ke hari ini, maka dapat dibayangkan usia remaja yang terlibat dalam kancah kenakalan pada saat ini.

Laporan-laporan akhbar tentang gejolak masalah sosial yang begitu menjalar dalam masyarakat Melayu khususnya seperti tragedi kematian kanak-kanak akibat keluarga yang berpecah-belah ('Deaths of kids from broken homes a 'wake-up call', *The Straits Times*, Dis 7, 2009), peningkatan jumlah penglibatan remaja Melayu dalam aktiviti haram melibatkan tailong ('Two Malay youths arrested for loanshark-related activities', *Channel NewsAsia*, Jul 15, 2009), masalah anak luar nikah, dadah dan senarai masalah sosial yang berpanjangan menunjukkan betapa nilai dan akhlak yang murni menghadapi cabaran yang amat genting ketika ini.



Buku Nilai oleh Dr Abbas, tentang pendidikan moral di Singapura.

Kesimpulan

Pastilah penyelesaian terhadap senarai masalah sosial yang panjang dan yang dihadapi masyarakat kita memerlukan jalan penyelesaian yang tuntas dan tidak kurang kompleksnya dari masalah itu sendiri. Yang pasti, penyerapan nilai haruslah merupakan salah satu komponen dalam proses penyelesaian tersebut. Keperihatinan Abbas terhadap pendidikan nilai menunjukkan bahawa beliau amat berpandangan jauh. Oleh yang demikian, penekanan Abbas terhadap pendidikan nilai berasaskan pemerhatiannya yang tajam wajar disokong demi kesejahteraan psikologi remaja dan pembinaan semula peradaban masyarakat Melayu yang boleh dibanggakan.

Kata-kata mutiara Al-Jahizh (776-869M) kami turunkan di sini sebagai bahan renungan,

> *Fikirkanlah betapa pentingnya nilai moral yang menjadi unsur khas manusia yang membezakannya dari haiwan – yakni kesopanan. Tanpa rasa kesopanan, tidak akan ada tetamu yang yang dijanu; tidak akan ada janji yang ditepati; tidak akan ada keperluan yang terpenuhi; tidak akan ada amal baik yang dilakukan; tidak akan ada kejahatan yang dihindari. Banyak tindakan yang dilakukan berdasarkan rasa kesopanan. Tanpa rasa ini, akan muncul sebahagian orang yang tidak menghormati hak-hak ibu bapa mereka, atau tidak memulangkan segala sesuatu yang diamanatkan kepada mereka, atau tidak segan-silu melakukan tindakan tidak senonoh. Apakah anda sanggup memungkiri bahawa manusia itu dikurniai semua sifat ini demi kebaikan mereka sendiri, dan demi lancarnya segala urusan mereka?*
>
> (Al-Jahizh, 1995: 98)

Rujukan

Abbas Mohd Shariff (2002). *Budaya dan falsafah orang Melayu.* Singapura: EDN Media.

Abbas Mohd Shariff (2004). *Adab orang Melayu.* Singapura: Alfa Media.

Abbas Mohd Shariff (2009). *Nilai.* Singapura: Alfa Media.

Al-Jahizh (1998). *Semesta hikmah – kebijaksanaan Allah di balik penciptaan alam,* (Terjemahan). Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.

Channel NewsAsia, 'Two Malay youths arrested for loanshark-related activities', Jul 15, 2009.

Ibn Khaldun (1989). *Al-Muqaddimah- an introduction to history,* Rosenthal, F. (terjemahan). United Kingdom: Princeton University Press.

Idris Zakaria (2002). *The political aspects of Avicenna's general theory of cosmology and the human soul.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Low, G.T et.all (1999). Loneliness among adolescents, dalam Cheong, A., et al, *Growing up in Singapore – research perspectives on adolescents.* Singapura: Prentice Hall, hal. 189-202.

M. Abdul Haq Ansari (1964). *The ethical philosophy of Miskawayh.* Aligargh: Aligargh Muslim.

Mohamed El-Mokhtar Ould Bah (1998). *Islamic education between tradition and modernity.* Morocco: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization.

Muhammad Abul Quasem (1975). *The ethics of Al-Ghazali – A composite ethics in Islam.* Malaysia: Published by the author.

Sigel, I. E. (1978). Constructivism and teacher education, *The Elementary School Journal,* vol. 78, no. 5, The University of Chicago.

Tan, E. (1999). At odds with society: the problem of juvenile delinquency, dalam Cheong, A., et al, *Growing up in Singapore – research perspectives on adolescents.* Singapura: Prentice Hall, hal. 203-214.

Winter, H.J.J, (1952). *The life and thoughts of Avicenna.* Bangalore: The Indian Institute of Culture.

Zakir Hussein, 'Deaths of kids from broken homes a 'wake-up call', The Straits Times, Dis 7, 2009.

[i] Penghasilan persekitaran yang positif dan menyokong melalui amalan baik dan interaksi berdasarkan ihsan ditekankan di dalam Al-Quran. Rujuk Quran, 31: 19; 28: 77; 24: 22; 7: 199; 5: 2; 41: 33-35.